

# SEJARAH

## Pendahuluan

Sejarah adalah Mata Pelajaran Teras (MPT) bagi peperiksaan SPM. Calon wajib mengambil mata pelajaran ini bersama – sama MPT dan Mata Pelajaran Elektif (MPE) yang lain. Calon berhadapan dengan dua kertas dalam Peperiksaan Sejarah iaitu Kertas 1 dan Kertas 2. Kertas 1 mempunyai 40 soalan objektif yang diperuntukkan masa menjawab selama 1 jam. Kertas 2 mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A berbentuk struktur dan Bahagian B soalan yang menghendaki calon menjawab dalam bentuk esei.

## Format Peperiksaan Mata Pelajaran Sejarah Peringkat SPM

Bil.	Perkara	Kertas (1249/1)	Kertas 2 (1249/2)
1.	Jenis Instrumen	Ujian Objektif	Ujian Subjektif
2.	Jenis Item	a) Aneka Pilihan b) Aneka Pelengkap	<u>Bahagian A</u> Struktur  <u>Bahagian B</u> Esei
3.	Bilangan Soalan	40 soalan (Jawab Semua)	<u>Bahagian A</u> 4 soalan (Jawab Semua)  <u>Bahagian B</u> 5 soalan (Pilih 3)
4.	Jumlah Markah	40	100
5.	Masa Menjawab	1 jam	2 jam 30 minit
6.	Wajaran Konstruk	<u>Anggaran Soalan</u>  Pengertahuan – 20% Kefahaman – 30% Aplikasi – 5% Merumus – 5% Menilai – 10%	<u>Anggaran Soalan</u>  Pengertahuan – 30% Kefahaman – 20% Analisis – 20% Merumus – 20%
7.	Cakupan Konteks	Mencakupi semua bidang pembelajaran daripada Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5	Mencakupi semua bidang pembelajaran daripada Tingkatan 4 hingga Tingkatan 5
8.	Aras Kesukaran Rendah – R Sederhana – S Tinggi – T	R : S : T = 5 : 3 : 2	R : S : T = 5 : 3 : 2

## Analisis Peperiksaan Mata Pelajaran Sejarah Peringkat SPM

TOPIK	2004			2005			2006		
	K1	K2		K1	K2		K1	K2	
		S	E		S	E		S	E
<b>Tingkatan Empat</b>									
1. Tamadun Awal Manusia	3	1					4		1
2. Peningkatan Tamadun	2	1		6	1	1	2		
3. Tamadun Awal Asia Tenggara	2						1		
4. Tamadun Islam dan Perkembangan di Mekah	4	1		1			3	1	
5. Kerajaan Islam Madinah	-			2	1				
6. Pembentukan Kerajaan Islam dan Sumbangannya	2		1	3		1	1		
7. Islam di Asia Tenggara	-			1			2		
8. Pembaharuan dan Pengaruh Islam di Malaysia sebelum Kedatangan Barat	1						2		1
9. Perkembangan di Eropah	3			4			1		
10. Dasar British dan Kesannya terhadap Ekonomi Negara	4		1	3	1		6	1	
<b>Tingkatan Lima</b>									
11. Kemunculan dan Perkembangan Nasionalisme di Asia Tenggara	4	1	1	4		1	5		
12. Nasionalisme di Malyasia sehingga Perang Dunia Kedua	3			3	1		3		
13. Kesedaran Pembinaan Bangsa dan Negara	-			1			1		
14. Pembinaan Negara dan Bangsa Malaysia	-			1			1		1
15. Pembinaan Negara dan Bangsa yang Merdeka	1						1	1	
16. Pengukuhan Negara dan Bangsa Malaysia	1					1	1		
17. Sistem Pemerintahan dan Pentadbiran Negara	2		1	1			1		1
18. Pembangunan dan Perpaduan untuk Kesejahteraan	6	1		4			3	1	1
19. Malaysia dalam Kerjasama Antarabangsa	6		1	6		1	4		

# CONTOH KERTAS SOALAN

## KERTAS 1

# SEJARAH

## SATU JAM

Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan. Pilih satu jawapan terbaik bagi setiap soalan.

1. Zaman Logam bermaksud kejayaan manusia pada masa itu mencipta bahan daripada logam.

Antara berikut, yang manakah pembahagian Zaman Logam?

- I Zaman Perak
- II Zaman Besi
- III Zaman Gangsa
- IV Zaman Tembaga

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

2. Gilgamesh merupakan karya kesusasteraan epik yang dihasilkan di zaman Tamadun Mesopotamia

Mengapakah karya itu peting kepada para sejarawan?

- A Gaya bahasa yang menarik
- B Teknik penyampaian cerita berkesan
- C **Menceritakan** corak kehidupan masyarakat
- D **Mengemukakan** sistem pemerintahan kerajaan

3.

- Amaravati
- Gupta
- Pallava
- Cola
- Pala

Senarai di atas berkaitan dengan pengaruh ....

- A seni sastera
- B seni bina
- C agama
- D seni tari


4.

Perjanjian Tordesillas 1494

Nyatakan faktor yang menjurus kepada terjalannya perjanjian tersebut ?

- A Mendaulatkan Portugal dan Sepanyol sebagai negara merdeka
- B Membahagikan Portugal dan Sepanyol kepada dua wilayah
- C Menamatkan peperangan antara Portugal dengan Sepanyol
- D Mengelakkan persaingan antara Portugal dengan Sepanyol

5.



Apakah kesan ciri hidup seperti carta di atas?


- I Mewujudkan persaingan sehat
- II Mewujudkan semangat kesukuan
- III Mewujudkan persengketaan antara kabilah
- IV Mewujudkan persefahaman di kalangan masyarakat.

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

6. Orang Islam Madinah yang memberi bantuan kepada orang Makkah yang berpindah ke Madinah dipanggil ....

- A Ansar
- B Muhajirin
- C Kabilah
- D Khalifah

7.



Peta di atas menunjukkan empayar Kerajaan Turki Uthmaniyah kurun ke-15 hingga kurun ke-17 masihi.

Nyatakan faktor yang menyebabkan kerajaan tersebut berjaya membentuk empayar yang begitu luas?

- A Kekuatan tentera
- B Merndapat sokongan padu rakyat
- C Pegangan agama dan moral yang tinggi
- D Sumber kewngan yang mencukupi

Kawasan	Tokoh
Perak	Long Jaafar
Selangor	Yap Ah Loy
Negeri Sembilan	Datuk Kelana Putra

Apakah persamaan di antara tokoh-tokoh di atas?

- A Membawa masuk imigran asing
- B Meminta bantuan British
- C Mencetuskan perang saudara
- D Memajukan kawasan perlombongan bijih timah

\* Dato' Bahaman \* Tok Janggut  
\* Penghulu Dol Said

Mengapakah tokoh di atas gagal mengalahkan penjajah Inggeris?


- I Tidak cukup senjata
- II Tidak berpendidikan
- III Penentangan bersifat tempatan
- IV Tidak mendapat sokongan sultan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV



Apakah kesan daripada tindakan kaum Quraisy di atas?

- A Pembukaan semula kota Makkah
- B Penyebaran Islam di kota Makkah
- C Perjanjian Hudaibiyah ditandatangani
- D Zaman Jahiliah berakhir



Siapakah Y yang menyarankan undang-undang seperti di atas?

- A Mo Tzu
- B Lao Tze
- C Confucius
- D Han Fei Tsu

Rancangan Malaya Pertama (RMP)
• Membangunkan kawasan luar bandar
• Mengurangkan kadar kemiskinan pen- duduk luar bandar

Nyatakan dua agensi terpenting yang memainkan peranan untuk mencapai matlamat di atas.


- I Lembaga Pembangunan Industri Desa
- II Lembag Kemajuan Tanah Persekutuan
- III Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan
- IV Lembaga Padi dan Beras Negara

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

Koridor Raya Multimedia (MSC)


Apakah tujuan kerajaan melancarkan projek itu?

- A Melahirkan masyarakat yang moden
- B Melahirkan masyarakat yang berteknologi
- C Melahirkan masyarakat yang industri
- D Melahirkan masyarakat yang bermaklumat



Berdasarkan maklumat di atas, X merujuk kepada...

- A rang undang-undang negeri
- B Perlembagaan Negara
- C hukum-hukum Syariah
- D Mahkamah Persekutuan



Apakah kesan ciptaan tersebut bagi perkembangan perlombongan arang batu?

- A Menjimatkan kos operasi
- B Mengelakkan pembaziran
- C Mengelakkan masalah takungan air
- D Mengurangkan masalah kekurangan tenaga buruh

Peristiwa manakah yang meningkatkan semangat kepada para nasionalis di Asia Tenggara untuk berjuang membebaskan tanah air mereka daripada penjajahan Barat?

- A Perang Dunia I
- B Perang Rusia-Jepun
- C Perang British-India
- D Perang British-Burma

17.


John Crawford berpendapat:  
Kedatangan Islam ke Asia Tenggara  
terus dari Semenanjung Tanah Arab

Teori itu disokong oleh Profesor Syed Muhammad Naquib al-Attas dengan mengemukakan bukti-bukti berikut:

- I Tulisan jawi berasal daripada bahasa Arab
- II Ramai orang Arab berhijrah ke Asia Tenggara
- III Masjid di Asia Tenggara mempunyai unsur yang sama dengan masjid di Arab
- IV Bahan penulisan dan kesusasteraan di Asia Tenggara mengikut gaya kesusasteraan Arab

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

18.



Peta di atas adalah landasan kereta api yang dibina di Tanah Melayu pada awal abad ke-20.

Nyatakan sumbangan penting pembinaan landasan itu dalam perkembangan ekonomi Tanah Melayu.

- I Menggalakkan kemasukan buruh asing
- II Menggalakan pembukaan pelabuhan di pesisiran pantai
- III Menggalakkan pelaburan asing dalam sektor peladangan getah
- IV Menggalakkan pembukaan ladang getah di kawasan pedalaman

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

19.

\*Meluluskan Enakmen Tanah Padi 1917  
\*Menaikkan premium tanah ladang

Mengapakah pentadbiran British di Tanah Melayu mengambil langkah-langkah di atas?

- A Menggalakkan penanam padi
- B Mengalakkan kemasukan pelabur asing
- C Tidak menggalakkan orang Melayu menanam getah
- D Menyekat kemasukan buruh asing

20.

i) Syeikh Nurudin Al-Raniri  
ii) Abdul Rauf Singkel

Apakah sumbangan kedua-dua tokoh di atas dalam sejarah Islam di Asia Tenggara?

- A Panglima perang menentang penjajah
- B Pengasas sistem madrasah
- C Meniup semangat jihad
- D Mencipta azam

21.


Mengambil riba tidak dibenarkan dalam perniagaan di kalangan orang Islam.

Antara berikut, undang-undang manakah yang menegakkan larangan tersebut?

- I Hukum Kanun Melaka
- II Hukum Kanun Pahang
- III Undang-undang 99 Perak
- IV Kitab Sejarah Melayu

- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

22.



Apakah kepentingan X,Y,Z kepada sejarah negara Malaysia?

- A Terjalin hubungan diplomatik kurun ke-15
- B Tempat asalnya Puteri Hang Li Po, Laksamana Cheng Ho dan Confucius
- C Tempat jalin hubungan ketenteraan
- D Tempat asal buruh Cina

23. Syarikat Hindia Timur Belanda (VOC)  
Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC)

Kedua-dua pertubuhan di atas mempunyai peranan yang sama, iaitu...


- A mengembalikan ketenteraman di nusantara
- B membolot perniagaan Asia Tenggara
- C memajukan sistem Pengangkutan Asia Tenggara
- D memajukan sistem ekonomi Asia Tenggara

24. i) Keturunan Foochow  
ii) Datang secara berkumpulan  
iii) Mendapat kebenaran Charles Brooke di Sarawak

Buruh dari China di atas terlibat dalam perladangan..

- I sagu                      III gambir
- II getah                    IV lada hitam

- A I dan II                      B II dan III
- C III dan IV                  D I dan IV



British telah menyatukan negeri-negeri di atas yang di kenal sebagai Negeri-negeri Selat (NNS) Siapakah pemerintah tertnggi NNS?


- A Residen                      C Residen Jeneral
- B Gabenor Jeneral            D Gabenor

26.

Tahun	Peristiwa
1832	Pasukan British mengalahkan tentera Penghulu Dol Said


Apakah yang terjadi kepada Dol Said selepas peristiwa itu?

- A Penghulu Dol Said melarikan diri ke Rembau
- B Penghulu Dol Said mati di bunuh oleh tentera British
- C Penghulu Dol Said menyerah diri dan di bawa ke Melaka
- D Penghulu Dol Said mendapatkan bantuan dari Negeri Sembilan



Apakah reaksi orang Melayu terhadap cadangan Dato' Onn itu? Cadangan beliau .....


- A disokongan oleh ahli UMNO
- B mendapat sokongan orang bukan Melayu
- C dikecam oleh orang Melayu
- D disokong masyarakat luar bandar



Rajah di atas menunjukkan antara agensi kerajaan yang telah ditubuhkan dalam tempoh rancangan tersebut.

Apakah fungsi penubuhan LPN?


- A Untuk membangunkan bandar
- B Untuk menstabilkan harga padi
- C Untuk membantu pekebun kecil getah
- D Untuk memodenkan industri perikanan



NAM telah ditubuhkan pada tahun 1961. Malaysia menjadi tuan rumah Sidang Kemuncak NAM ke-13.

Apakah matlamat penubuhan NAM?

- A Untuk membina semangat setia kawan negara-negara Komanwel
- B Untuk mempereratkan hubungan sesama negara Islam
- C Untuk meningkatkan kerjasama ekonomi dan ketenteraan
- D Untuk mengekalkan keamanan dunia



Mengapakah kebanyakan negara dunia ke-tiga tidak memihak kepada mana-mana pihak seperti di atas?


- A Mengamalkan sikap berkecuali
- B Bimbang diserang blok yang tidak disokong
- C Belum mampu berdikari
- D Bimbang perang dingin merebak kemanusiaan

31. Mengapakah zaman pemerintahan Khaifah Harun al-Rasyid dan Khalifah al-Makmum di anggap sebagai zaman kegemilangan Kerajaan Bani Abbasiyah?

I Kejayaan meluaskan wilayah ke Rom  
 II Kepesatan kegiatan intelektual  
 III Perkembangan kegiatan penulisan  
 IV Terdapatnya Baitulhikmah

- A I, II dan III                      C I, III dan IV  
 B I, II dan IV                      D II, III dan IV

32.



Para sejarawan mendakwa bahawa terdapat tiga teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.

Antara yang berikut, manakah sesuai mewakili X, Y, dan Z?

I dari Arab                      III dari India  
 II dari China                    IV dari Madinah

- A I, II dan III                      C I, III dan IV  
 B I, II dan IV                      D II, III dan IV

33.

Batu Bersurat Terengganu  
(1303 Masihi)

Apakah yang membuktikan Batu Bersurat Terengganu mempunyai pengaruh Islam yang kuat?

A Dibawa oleh pedagang Arab  
 B Catatan menggunakan tulisan jawi  
 C Batunya di ukir di Tanah Melayu  
 D Mempunyai bentuk seperti masjid

34. Idea pembentukan Malaysia telah dikemukakan sejak awal abad ke-19 lagi. Apakah faktor-faktor yang merupakan pendorong kepada pembentukan Malaysia?

I Untuk mengatasi masalah keselamatan  
 II Untuk mempercepatkan kemerdekaan  
 III Bagi mewujudkan kerjasama ekonomi  
 IV Untuk memperkuat tentera

- A I, II dan III                      C I, III dan IV  
 B I, II dan IV                      D II, III dan IV

35. Perkhidmatan Awam di Malaysia diketuai oleh satu jawatan khas. Apakah nama jawatan tersebut?

A Ketua Jabatan Perkhidmatan Awan  
 B Ketua Hakim Nergara  
 C Ketua Setiausaha Negara  
 D Ketua Audit Negara

36.

Persidangan Negara-Negara Islam (OIC)

Persidangan di atas pernah diadakan di Kuala Lumpur, pada 1974 dan 2003. Apakah tujuan penubuhan OIC?

I Menentang penindasan Negara-negara Barat  
 II Mengujudkan perpaduan Negara-negara Islam  
 III Memperjuangkan hak orang Islam  
 IV Memantapkan kerjasama ekonomi sesama Negara Islam

- A I, II dan III                      C I, III dan IV  
 B II, III dan IV                    D I, II dan IV

37.

31 Ogos 1963      kepada      16 September 1963

Pernyataan di atas adalah mengenai perubahan tarikh perisytiharan Malaysia. Mengapakah penubuhan Malaysia terpaksa ditunda?

I Laporan daripada PBB belum diperoleh  
 II Tentangan daripada Indonesia dan Filipina  
 III Brunei menarik diri daripada gagasan Malaysia  
 IV Penjajah British enggan memberi kerjasama

- A I, II, dan III                      C I, II dan IV  
 B II, III, dan IV                    D I, III, dan IV

38.

**“Malaysia adalah sebuah negara mengamalkan sistem demokrasi.”**

Apakah bukti kebenaran pernyataan di atas?

I Rakyat berperanan memilih kerajaan dalam pilihan raya  
 II Rakyat berpeluang memilih raja berperlembagaan  
 III Rakyat berkuasa menggantikan kerajaan melalui pilihan raya  
 IV Rakyat yang berumur 21 tahun ke atas layak menggundi

- A I, II, dan III                      C II, III dan IV  
 B I, II dan IV                      D I, III dan IV

39.

Deklarasi Kuala Lumpur 2003

Deklarasi di atas adalah persepakatan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) yang bersidang di Kuala Lumpur berhubung isu

- A keganasan                      C Iraq – Palestin  
 B apartheid                      D Israel – Lubnan

40. Pertubuhan manakah yang dibentuk oleh negara-negara di Asia Tenggara untuk kerjasama serantau?

I ASA                                      III MAPHLINDO  
 II ASEAN                                IV NAM

- A I, II dan III                      C II, III dan IV  
 B I, III dan IV                      D I, II dan IV

Arahan: Kertas soalan ini terdiri daripada dua bahagian, iaitu Bahagian A dan B.

**BAHAGIAN A: SOALAN STRUKTUR****(40 Markah)****Jawab semua soalan**

1. Tamadun Yunani dan Tamadun Rom adalah dua tamadun awal yang berkembang di Eropah sejak sebelum tahun Masihi lagi.

(a) Apakah tiga ciri sistem demokrasi yang dilaksanakan di Athens

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

[3 markah]

(b) Namakan dua tokoh falsafah Yunani yang terkenal.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[2 markah]

(c) Nyatakan tiga ciri sistem republik yang diamalkan oleh Tamadun Rom.

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

[3 markah]

(d) Nyatakan dua dewan yang anggotanya dipilih secara demokrasi di Malaysia


(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

[2 markah]



2.



(a) Berdasarkan rajah di atas, apakah kaitan Abu Bakar dengan Nabi Muhammad s.a.w.?

\_\_\_\_\_ [1 markah]

(b) Semasa hayat, beliau lebih di kenali sebagai al-Siddiq

Apakah maksud al-Siddiq?

\_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_ [2 markah]

(c) Setelah kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. berlaku pertikaian untuk melantik khalifah bagi menggantikan baginda.

(i) Sebutkan dua golongan yang terbabit dalam pertelingkahan tersebut?

\_\_\_\_\_ [2 markah]

(ii) Akhirnya, cadangan siapakah yang telah diterima umum untuk melantik Saidina Abu Bakar menjadi khalifah?

\_\_\_\_\_ [1 markah]

(d) Nyatakan empat sumbagan penting Saidina Abu Bakar sepanjang beliau menjadi Khalifah Islam di Madinah?


(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_

(iii) \_\_\_\_\_

(iv) \_\_\_\_\_

[4 markah]



(a) Apakah empat tuntutan orang Melayu dalam pembentukan Persekutuan 1948.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_
- [4 markah]

(b) Nyatakan dua ciri utama Perjanjian Persekutuan 1948

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- [2 markah]

(c) Terangkan maksud:

- (i) Senarai Persekutuan;
- \_\_\_\_\_
- [1 markah]
- (ii) Senarai Negeri;
- \_\_\_\_\_
- [1 markah]

(d) Nyatakan dua organisasi orang Melayu ditubuhkan untuk menentang Malayan Union.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- [2 markah]

4. Gerakan Islah – membangkitkan – Nasionalisme Melayu

Kenyataan di atas menjelaskan Gerakan Islah memainkan peranan penting dalam membangkitkan nasionalisme Melayu.

(a) Apakah usaha yang dilaksanakan oleh Gerakan Islah dalam membangkitkan nasionalisme Melayu.

- (i) \_\_\_\_\_
- (ii) \_\_\_\_\_
- (iii) \_\_\_\_\_
- (iv) \_\_\_\_\_
- [4 markah]

(b) Apakah akhbar dan majalah yang menyebarkan fahaman Gerakan Islah?

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_ [2 markah]

(c) Mengapakah Gerakan Islah terhad di Negeri-negeri Selat sahaja?

(i) \_\_\_\_\_

(ii) \_\_\_\_\_ [2 markah]

(d) Nyatakan sumbangan Gerakan Islah dalam bidang pelajaran

(i) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_


(ii) \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_ [2 markah]

**BAHAGIAN B - SOALAN ESEI**  
**(60 MARKAH)**  
**Jawab TIGA soalan sahaja**

5. a) Nyatakan apakah Piagam Madinah? [6 marks]
- b) Huraikan implikasi terbentuknya Piagam Madinah. [14 marks]

6.



Rajah di atas adalah mengenai nasionalisme

- a) Jelaskan faktor-faktor kemunculan nasionalisme di Asia Tenggara [10 marks]
- b) Huraikan gerakan nasionalisme di Thailand yang berbeza dengan Negara-begara lain di Asia Tenggara. [10 marks]
7. a) Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilaksanakan untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Nilai kesan pelaksanaan DEB yang berakhir pada tahun 1990. [10 marks]
- b) Berdasarkan contoh yang relevan, nyatakan peranan agensi-agensi kerajaan dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kedua (1970-1975) [10 marks]
8. (a) Jelaskan empat ciri utama sesebuah negara dan bangsa. [8 marks]
- (b) Terangkan ciri-ciri persamaan Kesultanan Melayu Melaka dengan ciri-ciri negara bangsa moden hari ini. [8 marks]
- (c) Sistem pemerintahan Negeri-negeri Melayu adalah lanjutan pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Jelaskan. [4 marks]
9. Malaysia melaksanakan dasar aktif dalam hubungan antarabangsa.
- a) Huraikan peranan Malaysia dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) [10 marks]
- b) Terangkan ciri-ciri Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) [6 marks]
- c) Huraikan usaha-usaha Malaysia untuk mencapai matlamat penubuhan NAM. [4 marks]

**TAMAT.**